

# GOOGLE FORMS

Google Forms adalah aplikasi yang membolehkan pengguna untuk membuat borang, kuiz atau soal selidik bagi mengumpul maklumat secara mudah dan efisien.




## ENAM (6) CIRI-CIRI GOOGLE FORMS YANG PRAKTIKAL



### Penyuntingan yang mudah

Pengguna boleh menyusun semula soalan dengan mudah menggunakan fungsi *drag and drop*.



### Menyokong pelbagai jenis format

Google Forms menyokong pelbagai jenis format soalan seperti pelbagai pilihan, perenggan, skala linear, senarai *dropdown* dan sebagainya.



### Pemantauan borang atau soal selidik secara langsung (*Real time*)

Maklum balas responden dapat dilihat secara langsung dan ini membantu pemilik borang atau soal selidik untuk memantau dari semasa ke semasa.



### Memudahkan perkongsian

Pengguna boleh mendedahkan pautan Google Forms kepada responden melalui e-mel, media sosial atau platform komunikasi lain. Selain itu, pengguna juga boleh menghasilkan kod QR berdasarkan pautan yang disediakan.



### Integrasi bersama Google Sheets

Semua jawapan yang dihantar akan disimpan secara automatik dalam Google Sheets untuk memudahkan analisis data.



### Penetapan borang

Pengguna boleh menyesuaikan tema, warna dan imej untuk membuat borang lebih menarik.


## PRE-FILLED FORM LINK



Fungsi *pre-filled form* membolehkan pemilik borang mengisi maklumat asas responden bagi mengurangkan ralat dan pada masa yang sama dapat menjimatkan masa responden. Ini dapat meningkatkan tahap penerimaan maklum balas borang atau soal selidik.



Contohnya, pemilik borang telah mempunyai rekod maklumat (seperti nama, jawatan dan Kementerian/agensi) serta maklum balas responden. Oleh itu, maklum balas bagi penyediaan borang terhadap setiap responden dapat diwujudkan.



## TEMPLATE GALLERY

Pengguna boleh memilih templat yang disediakan di *Template gallery* mengikut keperluan borang yang ingin dibuat seperti kuiz, soal selidik dan lain-lain. Penggunaan templat sedia ada memudahkan dan meringkaskan proses membina borang untuk pengguna.

